

**MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

**ANTARA**

**KERAJAAN MALAYSIA**

**DENGAN**

**KERAJAAN AUSTRALIA**

**MENGENAI KERJASAMA DALAM BIDANG PENGAJIAN TINGGI**

**KERAJAAN MALAYSIA** sebagaimana yang diwakili oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia **DAN KERAJAAN AUSTRALIA** sebagaimana yang diwakili oleh Jabatan Industri, Inovasi, Sains, Penyelidikan dan Pendidikan Tertiar Australia (kemudian daripada ini disebut "Pihak" secara sendirian dan "Pihak-Pihak" secara kolektif),

**MENGIKTIRAF** hubungan persahabatan yang wujud antara kedua-dua negara;

**BERHASRAT** untuk memperkukuh dan membangunkan lagi kerjasama antara kedua-dua negara dalam bidang pengajian tinggi;

**MEYAKINI** keperluan kerjasama yang berpanjangan dan berkesan demi kepentingan kedua-dua negara;

**MEMPERCAYAI** bahawa kerjasama sedemikian akan digunakan bagi kepentingan bersama dan menyumbang kepada peningkatan dalam bidang pengajian tinggi dan pembangunan sosial kedua-dua negara,

Bagi tujuan tersebut, Pihak-Pihak, tanpa berniat untuk mewujudkan perjanjian yang mengikat di sisi undang-undang, telah mencapai persetujuan berikut:

## **PERKARA I OBJEKTIF**

Pihak-Pihak, tertakluk kepada terma Memorandum Persefahaman ini dan undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa dalam negara masing-masing, bersetuju untuk memperkukuh, menggalakkan dan membangunkan kerjasama dalam bidang pengajian tinggi, pertukaran maklumat berkaitan dengan sistem pendidikan dan kesetaraan sijil-sijil akademik, dan juga bagi ijazah pertamanya dan sarjananya bagi maksud pengiktirafan bersama antara kedua-dua negara atas dasar kesaksamaan dan faedah bersama.

## **PERKARA II BIDANG KERJASAMA**

1.1. Setiap Pihak akan, tertakluk kepada undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturandan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa, yang mengawal hal perkara itu di negara mereka masing-masing, berusaha untuk mengambil langkah-langkah yang perlu untuk menggalakkan dan meningkatkan kerjasama teknikal dalam bidang yang berikut:

(a) pertukaran kakitangan akademik, guru, pelatih, pakar dan pelajar antara institusi pengajian tinggi selepas berunding dengan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Jabatan Industri, Inovasi, Sains, Penyelidikan dan Pendidikan Tertiari Australia mengenai program yang akan memberikan faedah bersama kepada kedua-dua Pihak. Pertukaran itu boleh melibatkan tugas mengajar dan/atau penyelidikan yang boleh menghasilkan laporan bersama, penerbitan atau lawatan sambil belajar. Tempoh dan terma yang berkaitan dengan pertukaran itu di Kementerian penganjur hendaklah diputuskan dan dipersetujui oleh kedua-dua Pihak;

(b) pertukaran maklumat tentang sistem dan struktur pengajian tinggi dan teknologi pendidikan yang baru;

(c) pertukaran maklumat dalam bidang jaminan kualiti dan akreditasi di kedua-dua negara;

(d) latihan kepada pentadbir pendidikan dan guru termasuklah yang terlibat dalam latihan dalam perkhidmatan;

(e) program dua hala antara institusi pengajian tinggi yang diiktiraf dalam pengajian teknikal, vokasional dan pengajian

tinggi yang akan memberi faedah bersama kepada kedua-dua Pihak;

- (f) pertukaran kepustakaan pendidikan, alat bantu mengajar, maklumat dan bahan demonstrasi serta penganjuran pameran dan seminar yang berkaitan;
- (g) pertukaran maklumat tentang perkiraan pemindahan kredit antara insititusi-institusi;
- (h) mengkaji kemungkinan pengiktirafan bersama kelayakan akademik, profesional, teknikal dan vokasional;
- (i) menyokong bantuan bersama dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi, pendidikan teknikal dan vokasional, matematik dan sains; dan
- (j) apa-apa bidang kerjasama lain dalam bidang pengajian tinggi yang dipersetujui bersama oleh Pihak-Pihak.

### **PERKARA III**

#### **PIHAK BERKUASA YANG DITETAPKAN**

Pihak berkuasa yang ditetapkan yang bertanggungjawab bagi melaksanakan Memorandum Persefahaman ini bagi pihak Kerajaan Malaysia ialah Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan bagi pihak

Kerajaan Australia ialah Jabatan Industri, Inovasi, Sains, Penyelidikan dan Pendidikan Tertiari Australia.

#### **PERKARA IV KUMPULAN KERJA BERSAMA**

Pihak-Pihak akan menubuhkan suatu Kumpulan Kerja Bersama bagi melaksanakan Memorandum Persefahaman ini. Kumpulan Kerja Bersama akan dipengerusikan bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dan Jabatan Industri, Inovasi, Sains, Penyelidikan dan Pendidikan Tertiari Australia, dengan penyertaan oleh agensi berkaitan lain kedua-dua negara sebagaimana yang sesuai. Kumpulan Kerja Bersama akan bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali setiap tahun atau sebagaimana yang diputuskan oleh Pihak-Pihak untuk mengkaji semula pergerakan pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini.

#### **PERKARA V PELAKSANAAN**

1. Memorandum Persefahaman ini akan dilaksanakan menurut undang-undang, kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan dasar negara yang berkuat kuasa dari semasa ke semasa di negara masing-masing dan menurut obligasi antarabangsa masing-masing.

2. Kaedah pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini akan diputuskan secara bersama oleh Kementerian Pengajian Tinggi, Malaysia dan Jabatan Industri, Inovasi, Sains, Penyelidikan dan Pendidikan Tertiari Australia.

## **PERKARA VI**

### **PERKIRAAN KEWANGAN**

1. Perkiraan kewangan untuk menampung perbelanjaan bagi aktiviti kerjasama yang dijalankan dalam rangka Memorandum Persefahaman ini hendaklah dipersetujui secara bersama oleh Pihak-Pihak masing-masing atas dasar kes demi kes tertakluk kepada wang dan sumber yang ada.
2. Walau apa pun apa-apa jua dalam perenggan 1 di atas, perbelanjaan bagi menganjurkan mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama hendaklah ditanggung oleh Pihak yang menganjurkan mesyuarat itu. Pihak yang menghantar wakilnya untuk menyertai mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama itu, jika ada, hendaklah menanggung perbelanjaan perjalanan dan diri mereka sendiri.

## **PERKARA VII**

### **KESAN MEMORANDUM PERSEFAHAMAN**

Memorandum Persefahaman ini hanya berfungsi sebagai rekod niat Pihak-Pihak dan tidak membentuk atau mewujudkan, dan tidak diniatkan untuk membentuk atau mewujudkan obligasi di bawah undang-undang domestik atau antarabangsa dan tidak akan menimbulkan apa-apa proses perundangan dan tidak akan dianggap untuk membentuk atau mewujudkan apa-apa obligasi yang mengikat di sisi undang-undang atau obligasi yang boleh dikuatkuasakan, secara nyata atau tersirat.

## **PERKARA VIII**

### **PENYERTAAN PIHAK KETIGA**

Mana-mana Pihak boleh menjemput penyertaan pihak ketiga dalam aktiviti dan/atau program bersama yang dijalankan di bawah Memorandum Persefahaman ini atas persetujuan Pihak yang satu lagi. Dalam menjalankan aktiviti dan/atau program bersama itu, Pihak-Pihak hendaklah memastikan bahawa pihak ketiga itu hendaklah mematuhi peruntukan Memorandum Persefahaman ini.

## **PERKARA IX**

### **PERLINDUNGAN HAK HARTA INTELEK**

1. Perlindungan hak harta intelek hendaklah dikuatkuasakan selaras dengan undang-undang, kaedah-kaedah dan peraturan-

peraturan negara Pihak–Pihak masing-masing dan dengan perjanjian antarabangsa yang ditandatangani oleh kedua-dua Pihak.

2. Penggunaan nama, logo dan/atau lambang rasmi mana-mana Pihak pada apa-apa penerbitan, dokumen dan/atau kertas dilarang tanpa kelulusan bertulis mana-mana satu Pihak terlebih dahulu.
3. Walau apa pun apa-apa jua dalam perenggan 1 di atas, hak harta intelek berkenaan dengan apa-apa pembangunan teknologi, dan apa-apa pembangunan produk dan perkhidmatan, yang dijalankan:
  - (i) bersesama oleh Pihak-Pihak atau hasil penyelidikan yang diperoleh melalui usaha aktiviti bersama Pihak-Pihak, hendaklah dimiliki secara bersesama oleh Pihak-Pihak mengikut terma yang hendaklah dipersetujui secara bersama; dan
  - (ii) secara bersendirian dan berasingan oleh mana-mana satu Pihak atau hasil penyelidikan yang diperoleh melalui usaha sendiri dan berasingan oleh mana-mana satu Pihak, hendaklah menjadi kepunyaan Pihak yang berkenaan semata-mata.



4. "Harta Intelek" di bawah Perkara ini membawa maksud seperti yang diperuntukkan dalam *Article 2 of the Convention Establishing the World Intellectual Property Organization* yang dibuat di Stockholm pada 14 Julai 1967 dan dipinda pada 28 September 1979.

#### **PERKARA X KERAHSIAAN**

1. Setiap Pihak mengaku janji untuk memelihara kerahsiaan dan sifat sulit dokumen, maklumat dan data lain yang diterima daripada atau yang dibekalkan kepada Pihak yang satu lagi semasa tempoh pelaksanaan Memorandum Persefahaman ini atau mana-mana perjanjian lain yang dibuat menurut Memorandum Persefahaman ini.
2. Kedua-dua Pihak bersetuju bahawa peruntukan Perkara ini hendaklah terus mengikat Pihak-Pihak walaupun Memorandum Persefahaman ini ditamatkan.

#### **PERKARA XI PENGANTUNGAN**

Setiap Pihak mempunyai hak atas sebab keselamatan negara, kepentingan negara, ketenteraman awam atau kesihatan awam untuk

3. Such revision, modification or amendment will come into effect on such date as may be determined by the Participants.
  
4. Any revision, modification or amendment will not prejudice the benefits and commitments arising from or based on this Memorandum of Understanding before or up to the date of such revision, modification or amendment.

**PARAGRAPH XIII**  
**SETTLEMENT OF DISPUTES**

Any difference or dispute between the Participants concerning the interpretation and/or implementation and/or application of any of the provisions of this Memorandum of Understanding will be settled amicably through mutual consultation and/or negotiations between the Participants through diplomatic channels, without reference to any third party or international tribunal.

### **PERKARA XIII**

#### **PENYELESAIAN PERTIKAIAN**

Apa-apa perbezaan atau pertikaian antara Pihak-Pihak berkaitan dengan pentafsiran dan/atau pelaksanaan dan/atau pemakaian mana-mana peruntukan Memorandum Persefahaman ini hendaklah diselesaikan secara persahabatan melalui runding bicara bersama dan/atau perundingan antara Pihak-Pihak melalui saluran diplomatik, tanpa merujuk kepada mana-mana pihak ketiga atau tribunal antarabangsa.

### **PERKARA XIV**

#### **PERMULAAN KUAT KUASA, TEMPOH DAN PENAMATAN**

1. Memorandum Persefahaman ini hendaklah mula berkuat kuasa pada tarikh tandatangan dan hendaklah terus berkuat kuasa bagi tempoh lima (5) tahun.
2. Selepas itu, Memorandum Persefahaman ini hendaklah dilanjutkan secara automatik bagi tempoh selanjutnya selama lima (5) tahun.
3. Walau apa pun apa-apa jua dalam Perkara ini, mana-mana satu Pihak boleh menamatkan Memorandum Persefahaman ini dengan memberitahu Pihak yang satu lagi mengenai niatnya

untuk menamatkan Memorandum Persefahaman ini melalui notis bertulis, melalui saluran diplomatik, sekurang-kurangnya tiga (3) bulan sebelum niatnya untuk berbuat demikian.

4. Penamatan Memorandum Persefahaman ini tidak menjejaskan pelaksanaan aktiviti dan/atau program yang sedang berjalan yang telah dipersetujui sebelum tarikh penamatan Memorandum Persefahaman ini.


**PADA MENYAKSIKAN HAL YANG TERSEBUT DI ATAS**, yang bertandatangan di bawah ini yang telah diberi kuasa dengan sewajarnya oleh Kerajaan mereka masing-masing, telah menandatangani Memorandum Persefahaman ini di **Australia** pada **14** hari bulan **November** tahun **2012** dalam empat (4) salinan teks asal dalam bahasa Melayu dan Inggeris, kesemua teks adalah sama sahinya.

**BAGI KERAJAAN MALAYSIA**



**DATO' SERI MOHAMED  
KHALED BIN NORDIN  
MENTERI PENGAJIAN TINGGI  
MALAYSIA**

**BAGI KERAJAAN AUSTRALIA**



**SENATOR THE HON. CHRIS  
EVANS  
MENTERI PENDIDIKAN  
TERTIARI, KEMAHIRAN,  
SAINS DAN PENYELIDIKAN  
AUSTRALIA**